

22 MAY 2002

Mahathir-Pelajar

PERDANA MENTERI INGATKAN PELAJAR TEKUN BELAJAR KUASAI ILMU

Oleh: Amin Husaini Harun

SEOUL, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi ingatannya kepada para pelajar Malaysia supaya tekun dan rajin menimba ilmu agar hasrat negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tercapai dengan jayanya.

Katanya dengan ilmu sahaja, kejayaan tahap dunia yang banyak dicapai negara masa kini akan berkekalan, malah memperolehi banyak lagi kejayaan pada masa-masa akan datang.

Semasa bercakap kepada rakyat dan pelajar Malaysia yang berada di Korea Selatan pada jamuan malam di sini, beliau berkata negara menaruh banyak harapan kepada para pelajar di dalam dan luar negara agar terus menguasai ilmu dan kecekapan yang dihasilkan daripada ilmu itu.

Dr Mahathir berbangga kerana ramai pelajar menunjukkan kesetiaan mereka kepada negara dengan memberi tumpuan untuk menguasai ilmu dan tidak mudah terpengaruh dengan pihak tertentu yang cuba memesongkan perhatian mereka kepada perkara lain seperti hendak menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Pelajar haruslah berterima kasih dan bersyukur dengan pelbagai kemudahan yang disediakan kerajaan untuk mereka belajar dan menimba ilmu," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri kecewa masih ada pelajar yang begitu mudah diperdayakan oleh golongan tertentu untuk membenci kerajaan dan negara.

"Ada pelajar diganggu sepanjang masa hingga mereka tidak dapat belajar yang menghasut mereka supaya menggulingkan kerajaan secara kekerasan. Mereka balik dengan kegagalan.

"Tetapi kerajaan berjaya menangani golongan yang kecewa ini. Adalah lebih baik mereka direhatkan sementara di tempat-tempat tertentu sehingga mereka sedar dan kembali ke pangkal jalan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai perpaduan yang wujud di kalangan rakyat di Malaysia kini hingga menjadikannya negara tunggal yang tiada perbalahan kaum, agama dan kebudayaan seperti yang berlaku di negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum dan etnik.

"Di Malaysia terdapat tiga kaum terbesar dan 30 suku kaum yang hidup dengan harmoni dan bersatu padu untuk melahirkan sebuah negara yang termaju di antara negara-negara membangun di dunia kini."

Perdana Menteri berkata hanya di Malaysia kepelbagaian kaum diterima dengan senang oleh kaum lain, tidak menekan antara satu sama lain malah duduk aman damai dan bermain bersama dengan harmonis.

"Setiap rakyat haruslah memastikan keharmonian yang wujud berkekalan untuk selama-lamanya," kata Dr Mahathir.

Katanya perpaduan dan keharmonian rakyat yang terjalin erat ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia adalah bebas, malah lebih bebas dari negara-negara lain yang mempunyai pelbagai kaum.

Adunan daripada keharmonian kaum, kesetiaan yang ditunjukkan kepada kerajaan dan negara, penguasaan ilmu dan kecekapan yang dihasilkan daripada ilmu itu, telah membolehkan Malaysia maju dan berjaya di peringkat dunia, kata Perdana Menteri.

"Kita terbukti bukan sahaja mampu mentadbir negara berbilang kaum, agama dan kebudayaan dengan baik, malah mampu mentadbir negara sehingga mencapai banyak kejayaan yang diiktiraf dunia," kata beliau.

Semasa sesi dialog kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang berusaha untuk memastikan sistem meritokrasi yang dilaksanakan dalam kemasukan pelajar ke institut pengajian tinggi (IPT) awam tidak menjejaskan

mana-mana kaum.

"Sistem meritokrasi bukan untuk mendera mana-mana kaum, sebaliknya untuk memastikan hanya yang terbaik, yang rajin dan tekun berusaha akan melangkah maju ke hadapan," katanya.

Bagaimanapun, katanya kerajaan menyedari bahawa kemasukan pelajar di IPT awam dan swasta tidak mencerminkan kesamarataan rakyat berbilang kaum kerana terlalu ramai Bumiputera di IPT awam dan terlalu ramai bukan Bumiputera di IPT swasta.

"Keadaan ini perlu diperbetulkan," katanya.

Mengenai kejayaan Bumiputera berjaya menguasai IPTA mengikut sistem meritokrasi, beliau berharap pelajar Melayu akan terus rajin dan tekun dalam pelajaran supaya keadaan itu tidak berubah pada masa hadapan.

Dr Mahathir, yang tiba di sini dari Jepun petang tadi, adalah dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Korea Selatan atas jemputan Presiden Kim Dae-jun.

-- BERNAMA

AHH NAK